

PEMBANGUNAN STRATEGI PENGURANGAN RISIKO BENCANA (DRR) ATAU MEMPERTINGKATKAN PERLINDUNGAN GEORGE TOWN DARIPADA BENCANA

1 -2 Mac 2018 – Bayview Hotel George Town, Pulau Pinang

Pulau Pinang, 1 Mac 2018 – Pejabat UNESCO di Jakarta dan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dengan kerjasama Think City Sdn.Bhd. akan menganjurkan Bengkel Nasional selama 2 hari untuk mengkaji pembangunan Strategi Pengurangan Risiko Bencana (Disaster Risk Reduction as DRR) yang merupakan sebahagian dari projek “Pembangunan Kapasiti bagi Pengurangan Risiko Bencana (DRR) Bandar-bandar Warisan Dunia di Asia Tenggara dan Pulau Kecil sebagai Negeri Membangun (SIDS) di kawasan Pasifik” dengan pembiayaan oleh Malaysia Funds-In-Trust.

Bengkel Nasional ini adalah kesinambungan Bengkel Awal yang diadakan di Pulau Pinang pada bulan April 2017 dan bertujuan untuk menggalakkan setiap bandar-bandar warisan dunia yang telah dipilih sebagai tapak perintis membentuk strategi untuk DRR dalam tempoh masa setahun selepas Bengkel Awal diadakan. Pembentukan strategi DRR ini adalah untuk menyediakan garis panduan kepada pengurus-pengurus tapak warisan dan agensi-agensi DRR bagi meminimumkan risiko bencana yang boleh mengancam integriti bandar-bandar warisan dunia. Bandar warisan George Town khususnya mudah terdedah kepada risiko kebakaran, gempa bumi dan banjir. Perkara ini dapat dilihat dalam kejadian banjir yang baru berlaku pada bulan November 2017 yang menyebabkan jalan-jalan di George Town dibanjiri dengan air keruh dan lumpur serta mengakibatkan 2,000 orang penduduk terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir. Oleh itu, risiko-risiko utama ini akan diambil kira dalam strategi DRR untuk George Town selain daripada analisis tentang pendedahan dan kelemahan, potensi implikasi-implikasi terhadap warisan dan jurang yang wujud dalam pengurusan bencana semasa. Perkara-perkara ini juga dijadikan dasar untuk mencadangkan ‘apa’, ‘bagaimana’ dan ‘siapa’ yang akan mengambil tindakan apabila berlakunya bencana yang membawa kerosakan kepada bandar bersejarah ini.

Bagi memastikan komuniti mengambil bahagian dalam pembangunan strategi ini dan kelestarian warisan dikekalkan, beberapa bengkel komuniti juga telah dijalankan semasa pembangunan strategi untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan.

Bengkel yang akan datang ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan daripada institusi awam bagi menambahkan maklumat dari sudut pandangan penggubal dasar serta menyelaraskan penglibatan institusi-institusi dalam proses pengurusan risiko bencana di George Town. Sehubungan dengan itu, diharapkan bahawa dengan menyertai bengkel ini, pihak-pihak berkepentingan dan penggubal dasar yang bertanggungjawab untuk memelihara George Town dapat mengetahui peranan mereka dalam proses pengurusan bencana sama ada sebelum, semasa atau selepas bencana berlaku.

Seramai 50 orang peserta telah dijemput untuk menyertai bengkel ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, pengurus-pengurus warisan, pejabat pengurusan bencana dan ahli-ahli akademik. Pakar Pengurangan Risiko Bencana bagi Bandar Warisan Budaya, Dr. Rohit Jigyasu dari Universiti Ritsumeikan, Kyoto merupakan penceramah utama bagi bengkel ini.

“Pada 4 November 2017, beberapa kawasan di Pulau Pinang telah dilanda banjir kilat yang teruk,” kata YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Dengan bantuan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di samping penglibatan serta sokongan daripada agensi-agensi tempatan dan komuniti, banjir di Pulau Pinang dapat dipulihkan dengan begitu cepat. Dengan ini, kita sempat menyambut ketibaan Putera Charles, the Prince of Wales dan permaisurinya, Camilla, the Duchess of Cornwall dalam lawatan rasmi yang pertama ke George Town pada 6 November 2017. Sehubungan dengan itu, lawatan rasmi baginda dapat dijalankan dengan lancar seperti yang dijadualkan tanpa sebarang kelewatan. Walau bagaimanapun, bagi melindungi Pulau Pinang yang kita kasihi dari bencana dan musibah, kita mesti sentiasa melakukan penambahbaikan terhadap pelan pengurusan bencana. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga akan berusaha ke arah penghasilan pelan pengurusan bencana yang lebih menyeluruh dan berkesan dengan jalinan kerjasama 4Ps iaitu antara awam (*Public*), swasta (*Private*), masyarakat (*People*) dan profesional (*Professional*). Oleh itu, Bengkel Pengurangan Risiko Bencana Alam ini sebaik-baiknya dapat mencerminkan dan menyempurnakan usaha kita.”

Shahbaz Khan, Pengarah Pejabat UNESCO di Jakarta berbesar hati kerana UNESCO dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dan Think City Sdn. Bhd. untuk membentuk strategi pengurangan risiko bencana bagi mempertingkatkan perlindungan George Town daripada kemusnahan bencana. Beliau berkata bahawa strategi pengurangan risiko bencana dihasilkan untuk melengkapi Pelan Pengurusan Warisan George Town yang sedia ada dan diharapkan boleh dijadikan garis panduan untuk persediaan, pertolongan cemas dan pemulihan apabila bencana menimpa bandar bersejarah.

Dr. Ang Ming Chee, Pengurus Besar daripada George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) berkata bahawa GTWHI akan berusaha sedaya upaya dalam pelaksanaan Kerangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015 – 2030 dengan membangunkan program Pengurangan Risiko Bencana yang berkesan dan mengintegrasikan program ini ke dalam pengurusan warisan George Town. GTWHI juga komited untuk bekerjasama dengan komuniti tempatan dan rakan-rakan kongsi untuk mencapai matlamat ini. Dengan berusaha secara bersama, keselamatan rakyat dan Nilai-nilai Keunggulan Sejahtera George Town dapat dipertahankan.

Matt Benson, Pengarah Program daripada Think City berkata, “DRR menjadi isu yang semakin penting berkaitan dengan kejadian banjir dan kebakaran yang berlaku baru-baru ini di George Town. Berdasarkan sumber daripada komuniti dan data daripada Sistem Maklumat Geografi, Think City berharap dapat membangunkan suatu strategi DRR yang dapat disesuaikan dalam konteks tempatan.”

Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai bengkel, sila hubungi:

UNESCO Office, Jakarta
Moe Chiba (m.chiba@unesco.org)
Head of Culture Unit

George Town World Heritage Incorporated
Josephine Jalleh (Josephine@gtwhi.com.my)
Communications and Collaborations Manager

/END/

